

# FUNGSI BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK



Bahagian Kawalan Racun Perosak merupakan sebuah bahagian teknikal yang bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menguatkuasa Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Bahagian ini terlibat didalam mengawal mutu, keberkesanan dan kesan negatif racun makhluk perosak yang diimport dan dikilang di negara ini melalui skim pendaftaran.

Manakala permit import digunakan bagi racun makhluk perosak tidak berdaftar bagi tujuan pelajaran dan penyelidikan. Premis-premis yang terlibat dengan aktiviti penjualan dan penyimpanan racun makhluk perosak pula dikawal melalui pelesenan premis.

Bahagian ini juga bertanggungjawab di dalam mengawal pengendalian dan penggunaan racun makhluk perosak, mengawal penggunaan racun makhluk perosak amat berbisa serta mengawal pelabelan dan pengiklanan sesuatu racun makhluk perosak.

Hasil daripada aktiviti pendaftaran racun makhluk perosak bahagian ini bertanggungjawab menjalankan aktiviti selepas pendaftaran yang melibatkan penguatkuasaan, pengesanan residu racun makhluk perosak dalam hasil tanaman dan alam sekitar. Selain itu, bahagian ini bertindak sebagai agensi penyelaras dalam hal-hal berkaitan racun makhluk perosak diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

## PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memberi perkhidmatan berkualiti dan membantu anda tentang apa jua masalah yang anda hadapi berasaskan perkhidmatan yang kami sediakan.

## AKTA RACUN PEROSAK 1974

- i) Penilaian data toksikologi, perumusan, residu, kemujarapan dan analisis makmal serta label untuk tujuan pendaftaran baru racun makhluk perosak dalam tempoh 150 hari.
- ii) Permit import racun makhluk perosak yang tidak berdaftar untuk tujuan pelajaran/ penyelidikan dalam tempoh 10 hari.
- iii) Lesen pengendali kawalan makhluk perosak dalam tempoh 14 hari.
- iv) Pelesenan pemakai dan pembantu pemakai racun makhluk perosak dalam tempoh 10 hari.
- v) Pengiklanan racun makhluk perosak di semua media cetak dalam tempoh 14 hari.
- vi) Penyemburan udara (Aerial Spraying ) dalam tempoh 10 hari.
- vii) Pelesenan premis untuk menjual / menyimpan untuk jualan dalam tempoh 21 hari.
- viii) Analisis residu racun makhluk perosak bagi satu sampel hasil pertanian untuk tujuan eksport dalam tempoh 10 hari.



**BERBAHAYA! RACUN  
MAKHLUK PEROSAK**

